

# PENDEKATAN KESEIMBANGAN DAN KEADILAN DALAM UNDANG-UNDANG ADAT MASYARAKAT KIMARAGANG DI SABAH, MALAYSIA

## BALANCE AND JUSTICE APPROACH IN CUSTOMARY LAW OF THE KIMARAGANG COMMUNITY IN SABAH, MALAYSIA

Jikat @ Binol Darimbang<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Sabah  
[bdarimbang59@gmail.com](mailto:bdarimbang59@gmail.com)

### ABSTRACT

*For the Kimaragang community, Customary Law has existed since human existence, it has been formed by the community itself and it is recognized by the Sabah state government before independence and after independence. The Kimaragang community is close to nature and every offense committed by its community will cause an imbalance not only to individuals, groups, but also to the villagers. Therefore it also describes the results of primary data collection studies in the field obtained directly from interview sources and secondary data obtained from past research writings to advance the theory of balance and justice in relation to moral offense in accordance with customary law of Kimaragang society: balance in deciding the sentence in the Kota Marudu Native Court; assessment of the two methods of Customary Law and restoration of justice through pardon and mediation related to serious offender offenses, interactive and two-way communication are also discussed. In this paper also discussed the implications of customary policy as an approach of balance and restoration of justice to provide the well-being of justice to victims, offenders and society.*

**Keywords:** Customary Law, Equilibrium, Justice, Kimaragang Society

## ABSTRAK

Bagi masyarakat Kimaragang Undang-undang Adat sudah ada sejak manusia ada, ia telah dibentuk oleh masyarakat itu sendiri dan ianya diiktiraf oleh kerajaan negeri Sabah sebelum merdeka dan selepas merdeka. Masyarakat Kimaragang dekat dengan alam dan setiap kesalahan yang ditimbulkan oleh masyarakatnya akan menyebabkan ketidak seimbangan bukan sahaja kepada individu, kumpulan, juga kepada penduduk kampung. Oleh kerana itu ia juga menggambarkan hasil kajian pengumpulan data primer di lapangan yang diperolehi secara langsung dari sumber temubual dan data sekunder yang diperolehi hasil tulisan kajian yang lalu untuk memajukan teori keseimbangan dan keadilan berhubung dengan kesalahan moral selaras dengan undang-undang adat masyarakat Kimaragang: keseimbangan dalam memutuskan hukuman di Mahkamah Anak Negeri Kota Marudu; penilaian terhadap dua kaedah Undang-Undang Adat dan pemulihan keadilan melalui pengampunan dan pengantaraan berkaitan dengan kesalahan pesalah serius, komunikasi interaktif dan dua hala juga dibincangkan. Dalam tulisan ini juga dibincangkan implikasi dasar adat sebagai pendekatan keseimbangan dan pemulihan keadilan untuk memberi kesejahteraan keadilan kepada mangsa, pesalah dan masyarakat.

Kata kunci: Masyarakat Kimaragang, adat istiadat, keseimbangan, keadilan

## Pendahuluan

Adat Istiadat merupakan satu peraturan yang sudah lama ujud sejak manusia ada dan menjadi peradaban masyarakat Kumpulan Dusunik dan masyarakat asal yang lain di Sabah sejak berabad atau berkurun lamanya (Ibrahim Said, 1983; Phelan, 1987; Ranjit Singh, 2003). Selanjutnya, Phelan menjelaskan bahawa adat istiadat dibentuk oleh masyarakat itu sendiri dan tidak tertulis, dipelihara, diamalkan dan wariskan atau diperturunkan dari generasi ke generasi dan mendapat pengiktirafan oleh semasa pentadbiran British North Borneo Chartered Company (BNBC), pascakolonial dan Undang-Undang Kerajaan Malaysia (Phelan, 2003).

Berdasarkan keterangan di atas, maka adat merupakan inti atau nukleus dari peradaban masyarakat Kimaragang yang tinggal di Borneo Utara (sekarang di panggil Sabah selepas merdeka) terutama sekali di Daerah Kota Marudu.

Adat istiadat kemudiannya menjadi ‘*tukum*’ (undang-undang Anak Negeri masyarakat asal di Sabah) ditakrifkan dan diterima secara umum kerana sudah lama diamalkan sebagai keseimbangan dan ia bertindak sebagai mengawal tingkalaku moral masyarakat Kimaragang.

Fokus utama kajian ini, adalah menjelaskan bagaimana Undang-Undang Adat mengamalkan pendekatan keseimbangan dan pemulihan keadilan sejagat bukan hanya kepada individu yang terkilan atau terkesan dengan perbuatan orang lain tetapi juga kepada mereka yang melakukan pelanggaran terhadap undang-undang adat dan masyarakat keseluruhannya yang dalam proses pengendalian penyelesaian kes-kes yang telah dilaporkan oleh mangsa dan pesalah di peringkat ketua kampung dan penyelesaian di Mahkamah Anak Negeri Kota Marudu. Seterusnya, dalam artikel ini mencadangkan ‘model’ Pemulihan Keadilan undang-undang adat sebagai perintis pendekatan untuk melindungi pesalah, mangsa dan masyarakat agar mendapat keadilan yang seimbang melalui undang-undang Adat masyarakat asal di Sabah khususnya merujuk kepada Masyarakat Kimaragang di Pekan Tandek, dalam daerah Kota Marudu. Selain itu diharap penulisan ini diharap dapat mengisi kelompang dalam penulisan terdahulu berkenaan dengan antropologi undang-undang Adat masyarakat tempatan Malaysia amnya dan Sabah khususnya.

## Sorotan Literatur

Kajian undang-undang adat menurut (Chiba, 1989:203; Miyamoto. 2008:23) sangat penting kerana adat dianggap sebagai fenomena budaya dan didefinisikan sebagai alat untuk mengekalkan kertertiban sosio-budaya dan berupaya mengurus konflik masyarakat. Selanjutnya, Chiba dan Miyamoto menjelaskan bahawa adat itu disebut sebagai undang-undang budaya kerana ianya hasil daripada konfigurasi tentang adat dan istiadat. Jelas di sini *tukum* (hukum) adat bertujuan menjamin keamanan dan kesejahteraan individu, masyarakat dan kampung (Sharifah Zaleha Syed Hassan, 1995).

Menurut (Baptist (2008:5) cara hidup dan tingkah laku moral masyarakat tardisional Rumpun Dusunik, Murutik dan Paitanik sejak dahulu di kawal oleh *tukum* (hukum) adat iaitu satu set peraturan tingkah laku yang dirumus oleh kuasa tertinggi *kinoringan* dan disebarluaskan secara lisan melalui ayat-ayat *rianit* yang dianggap ayat-ayat suci. *Rinait* mengandung antaranya suatu naratif yang menjelaskan peraturan tingkah laku moral manusia masyarakat tradisional dan juga bertindak berasal dari mitos penciptaan, dengan petunjuk yang diyakini telah disampaikan melalui mimpi kepada pengantara rohani

yang disebut *Boboliyan*, yang kemudiannya menyampaikannya secara lisan melalui para pembantu yang telah mempelajarinya (Regist dan Baptist 1982, 1994). Tambah Baptisst lagi, *tukum* (hukum) adat mengadili kesalahan tingkah laku manusia berdasarkan kepada tiga peringkat: terhadap individu, terhadap persekitaran dan masyarakat, dan menentang dunia roh.

Justeru itu, berdasar kepada keterangan di atas *tukum* (hukum) adat mempunyai elemen spiritual yang diamalkan oleh masyarakat tradisional Rumpun Dusunik, Murutik dan Paitanik. Oleh itu, *tukum* (hukum) adat sangat berbeza dengan undang-undang umum atau sivil. Rutter (1929:135) mentafsirkan perbezaan di antara adat dan istiadat serta mahkamah sivil. Adat menurutnya sudah lama diamalkan dan disebarluaskan secara lisan dari satu jenerasi ke jenerasi yang seterusnya melalui penceritaan, dan akhirnya menjadi peraturan dan amalan sebagai menyusun sistem sosial masyarakat yang teratur. Manakala Istiadat pula merupakan satu peraturan yang dipersetujui bersama dan diterima pakai oleh semua masyarakat, di mana setiap kesalahan akan diselesaikan mengikut mereka sendiri. Selain itu, adat akhirnya menjadi panduan dalam kehidupan sehari-harian dalam mengurus konflik masyarakat, mengurus ekonomi, mengurus alam sekitar dan segala isi di dalam alam semesta dan mengurus hubungan dengan alam yang juga di diam oleh makhluk rohaniah. Berbeza dengan mahkamah sivil, menurut Rutter mahkamah menganggap peraturan tetap peraturan dan setiap pesalah akan ditentukan oleh apa yang tertulis dalam peraturan tersebut dan memenjarakan pesalah jika didapati bersalah.

Fokus utama kajian ini, adalah menjelaskan bagaimana Undang-Undang Adat mengamalkan pendekatan keseimbangan dan pemulihan keadilan sejagat bukan hanya kepada individu yang terkilan atau terkesan dengan perbuatan orang lain tetapi juga kepada mereka yang melakukan pelanggaran terhadap undang-undang adat dan masyarakat keseluruhannya yang dalam proses pengendalian penyelesaian kes-kes yang telah dilaporkan oleh mangsa dan pesalah di peringkat ketua kampung dan penyelesaian di Mahkamah Anak Negeri Kota Marudu. Seterusnya, dalam artikal ini mencadangkan ‘model’ Pemulihan Keadilan undang-undang adat sebagai perintis pendekatan untuk melindungi pesalah, mangsa dan masyarakat agar mendapat keadilan yang seimbang melalui undang-undang Adat masyarakat asli di Sabah khususnya merujuk kepada Masyarakat Kimaragang di Pekan Tandek, Kota Marudu. Selain itu diharap penulisan ini diharap dapat mengisi kelompang dalam penulisan terdahulu berkenaan dengan antropologi undang-undang Adat masyarakat tempatan Malaysia amnya dan Sabah khususnya.


## **Model Keseimbangan Dan Keadilan Dalam Hukum Adat**

Model Keseimbangan dan Keadilan Dalam Ritual Undang-undang Adat Masyarakat Dusun Kimaragang sebagaimana ditunjukkan dalam rajah 1 menunjukkan tiga peringkat proses di mana peringkat pertama menunjukkan bahawa individu yang secara sengaja atau tidak mencabuli undang-undang adat suasana tenang dan harmoni akan bertukar menjadi satu malapetaka (krisis) bukan sahaja kepada diri individu itu sendiri tetapi melibatkan semua masyarakat yang tidak melakukan pelanggaran terhadap adat.

Hubungan yang sejuk (*Osogit*) atau seimbang di antara alam ghaib dan alam manusia bertukar menjadi panas (*alasu*) atau hubungan tidak seimbang di antara alam manusia dan alam semesta. Keadaan yang tidak seimbang menyebabkan roh-roh jahat (rogon) menjadi marah kepada manusia kerana mengabaikan peraturan adat yang terdapat dalam undang-undang adat seperti melakukan kesalahan seks sumbang dan mianu-anu.

Kesalahan adat sumbang dan mianu-anu bukan sahaja sangat dielakkan dan tidak patut dilakukan oleh individu, kumpulan dalam masyarakat tetapi juga paling dibenci oleh makhluk ghaib kerana mereka merasa bahang kepanasan, kehidupan mereka terganggu dan tidak tenteram.

Oleh kerana itu, makhluk ghaib membala dendam kepada manusia dengan menimpa berbagai penyakit, hasil tanaman tidak menjadi dan keadaan ini akan menyebabkan krisis hidup bukan sahaja kepada manusia di dunia, tetapi juga binatang dan tanan-tanaman (Rukanang, 2018). Menurut Gennap (1960) dalam peringkat ini pelanggaran terhadap undang-undang adat sebagai suatu prosesual yang menentukan sifat dan kedudukan liminaliti bagi individu yang melakukan pelanggaran adat. Dalam hal ini, individu atau kumpulan yang melanggar adat terpaksa diminta mencari perdamaian dengan sesama manusia dengan memberikan denda sogit ritual dalam bentuk haiwan atau binatang seperti ayam, babi dan kerbau. Selain itu, mereka juga diminta untuk memberikan barang berupa logam keras seperti gong dan betukul sebagai ‘pulanut’ yang bermaksud sebagai pendinding atau menolak bala agar tidak menimpa kepada Boboliyan dan Ketua Kampung yang melaksanakan upacara *monogit pomogunan* (Jonan, 2018).



Rajah 1: Model keseimbangan dan keadilan undang-undang adat adaptasi daripada *rites de passage* van Gennep (1960) dan Victor Turner analyzes 'social dramas' (1974)

Peringkat kedua dalam Rajah 1 menjelaskan, pelakasanaan ritual *monogit pomogunan* oleh *Boboliyan* akan menyebabkan status individu atau berkumpulan bertukar di antara peralihan kepada status penggabungan. Individu yang melanggar adat menyebabkan statusnya terpisah atau dipinggirkan oleh kumpulan masyarakat, walau bagaimanapun selepas pelaksanaan ritual yang dikendalikan oleh *Boboliyan* melalui ritual korban binatang yang berdarah dan sajian makanan dan bacaan *rinait* sebagai doa puji-pujian dan permohonan maka terjadilah suasana yang paling dramatik di mana status individu tersebut dapat dipulihkan semula dan statusnya diterima semula dalam kumpulan masyarakat (Rukanang, 2018). Selain itu, *Boboliyan* sebagai seorang pengantara di antara manusia dan makhluk ghaib mendapat belas kasihan dan pengampunan dosa kepada makhluk supernatural seperti Kinoringan dan roh-roh ghaib yang lain. Sejajar dengan itu, kebolehan beliau bukan sahaja dapat berkomunikasi dengan makhluk ghaib yang tidak kelihatan, tetapi juga berkebolehan dalam perbincangan tawar menawar dengan semangat-semangat ghaib sehingga mereka bersetuju dengan tawaran yang disediakan oleh *Boboliyan*.

Peringkat ketiga menggambarkan bahawa binatang yang dikorbankan dan darah binatang tersebut disajikan kepada makhluk supernatural sebagai simbolik memohon belas kasihan kepada Kinoringan, agar dosa mereka

diampuni dan memohon roh-roh jahat tidak lagi menimpa bencana seperti penyakit, dan memberikan kesuburan semula kepada tanam-tanaman serta memberikan hasil yang baik kepada manusia. Dalam peringkat ini Gennep dan Turner mendainnya sebagai ritual penggabungan dan penyatuan semula masyarakat dalam kepatuhan peraturan adat. Dalam peringkat ini, secara rasminya status individu yang dalam masa peringkat pemisahan seorang yang dianggap kotor kerana dosa yang dilakukanya ini bertukar bersih (Gibon, 1986) kerana upacara *monogit pomogunan* sebagai simbolik pengampunan dosa oleh Kinoringan serta penerimaan korban binatang berdarah dan sajian yang dipersembahkan telah diterima dengan senang hati dan gembira oleh roh-roh ghaib yang dan sebagai balasannya penggabungan integrasi yang harmoni di antara manusia dan alam ghaib kembali seimbang semula (Rukanang, 2018). .

Peringkat-peringkat model pendekatan keseimbangan dan keadilan dalam Rajah 1 ini memberikan gambaran bahawa ia merupakan satu model yang menyatakan pemulihan keseimbangan dan memberikan keadilan bukan sahaja kepada setiap individu yang melakukan kesalahan tetapi memberikan keadilan kepada keluarga dan masyarakat lain terlepas dari krisis bencana seperti penyakit dan konflik dapat dipulihkan. Dalam proses ini, individu yang telah bertobat dan menyesal dengan perbuatannya kembali diterima semula sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat. Selain itu, makhluk-makhluk ghaib merasa aman semula di alam semesta dan hubungan mereka dengan manusia dapat disatukan semula yang melahirkan pemulihan keseimbangn dan keadilan kepada kedua-dua alam iaitu alam manusia dan alam supernatural. Kajian keseimbangan dan keadilan dalam undang-undang adat masyarakat Dusun Kimaraganag mempunyai asas yang tersendiri kerana undang-undang adat, rinait, dan ritual mempunyai elemen-elemen spiritual yang melibatkan alam manusia dan alam ghaib yang tidak kelihatan, membolehkan ia tetap dilaksanakan. Lebih-lebih lagi setiap perkara tersebut mengandung maksud tersirat yang mendalam, sesuai dengan nilai dan makna sosial yang dimiliki oleh masyarakat berkenaan. Selain itu, secara tidak langsung ritual *monogit pomogunan* dalam undang-undang adat masyarakat Dusun Kimaragang yang diamalkan menggambarkan ketinggian akal budaya yang menonjokan kesopanan dan kesantunan, penerimaan dan sikap rendah hati yang turut diperlihatkan melalui penonjolan pemakaian peralatan dan objek tertentu yang mengiringi ritual.

## Metodolgi Kajian dan Kawasan Kajian

Kajian kualitatif menggunakan pendekatan semulajadi atau *natural* untuk memahami suatu fenomena dalam konteks yang khusus. Ini bermaksud kajian kualitatif bertujuan memahami keadaan sebenar fenomena dan konteks kajian tanpa manipulasi apa-apa situasi sebenar (Patton, 2002:39).

Menurut (Kemmis dan McTaggarat, 2000) objektif utama kajian kualitatif ialah membantu manusia memilihkan dan melepaskan mereka daripada situasi yang tidak jelas, tidak adil, tidak rasional berkaitan struktur social yang menyekatkan pembangunan dan kemajuan individu serta masyarakat. Justru itu, dalam konteks kajian ini, kajian kualitatif dapat memberi kefahaman terperinci tentang fenomena yang dikaji (Creswell, 2008).

### i. Kajian Rintis

Kajian rintis dalam membantu penyelidikan untuk mengemaskin perancangan untuk mengumpul data, seperti menentukan jenis data yang diperlukan, prosedur yang harus diikuti dalam proses pengumpulan data (Yin, 1989). Disamping itu, penyelidik juga boleh menyemak kesahan instrument yang digunakan serta mengetahui kekangan-kekangan yangungkin timbul dalam proses pengumpulan data. Kaedah ini perlu dan diberi perhatian dalam kajian sebenar (Glesne, 1999). Manakala Maxwell (1996) pula menyatakan kajian rintis adalah penting kepada seseorang penyelidik untuk menguji idea-idea dan membolehkannya mendapat maklumat awal tentang latarbelakang informan yang dikaji.

### ii. Temu Bual

Satu daripada instrument yang mempunyai kaitan dengan kaedah kualitatif ini adalah menggunakan teknik temubual. Patton (1980) menyatakan terdapat tiga jenis teknik temu bual iaitu temubual formal, temubual tidak formal dan temubual terbuka. Fontana dan Frey (1994), Merriem (1998) juga mengatakan terdapat tiga jenis temubual iaitu temu bual soalan berstruktur, temu bual soalan separa struktur dan temu bual soalan tidak berstruktur. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan dua jenis iaitu temu bual soalan tidak berstruktur dan temu bual soalan berstruktur. Menurut Sabhita Marican (2006:144) temubual soalan tidak berstruktur adalah temubual yang dilakukan hanya bersumber kepada garis-garsi besar permasalahan yang akan ditanya. Manaka temubual berstruktur adalah temu bual yang soalan-soalannya telah disusun secara terperinci sebelum ianya dilansungkan.

Kaedah temu bual secara struktur dan tidak berstruktur digunakan bagi mendapatkan maklumat tentang adat dan kepercayaan tradisi masyarakat Dusun Kimaragang. Temu bual ini juga turut digunakan semasa aktiviti pemerhatian ikut serta pengkaji di kawasan lapangan kajian. Pengkaji terlebih dahulu menyenaraikan soalan-soalan yang perlu ditanya kepada informan. Penyenaraian ini penting bagi memastikan soalan-soalan yang ingin diajukan dapat dijawab oleh informan. Selain itu, melalui penyenaraian soalan ini, pengkaji dapat mengelakkan maklumat yang tidak relevan. Seterusnya maklumat-maklumat ini dapat dijadikan data untuk dimasukkan ke dalam kajian ini. Temu bual ini juga turut dirakam melalui alat bantu perakam suara dan kamera untuk merakam perbualan dan gambar informan dengan tujuan oleh pengkaji bagi memudahkan untuk mengimbas kembali dan mengumpulkan dapatan kajian. Teknik ini digunakan dengan meluas oleh penyelidik. Sepanjang penyelidikan ini, penyelidik berada di kawasan lapangan kajian (sebulan sekali, selama satu minggu) hampir dua tahun lebih bermula pada Ogos 2018 hingga September 2020.

Kawasan kajian: Masyarakat Kimaragang kebanyakannya tinggal di utara Negeri Sabah, terutamanya tinggal dalam kawasan Pekan Tandek lebih kurang 16KM dari Pekan Kota Marudu, terdiri daripada 6 mukim dan 42 kampung dengan jumlah bilangan rumah 5,283 dan bilang penduduk 29,799 orang, terletak dalam pentadbiran Daerah Kota Marudu (Marwati, 2018). Pengkaji memfokus hanya dua kampung sahaja sebagai kajian tempat utama iaitu di Kampung Kampung Nolotan, dan Kampung Salimandut, kerana kedua-dua kampung ini mempunyai dua orang informan yang mempunyai kepakaran yang sangat diperlukan oleh pengkaji iaitu *boboliyan*. Kedua-dua *Boboliyan* di kampung ini yang sangat aktif mengamalkan adat tradisional dan penyelidik beranggapan kedua-dua mereka dapat memberi maklumat yang diperlukan oleh pengkaji kerana berkemahiran mengenai adat istiadat dan dapat melaksanakan ritual yang dituntut oleh adat. selain itu, mereka juga masih mengamalkan kepercayaan dan pada masa yang sama dapat membantu pengkaji memperolehi maklumat yang sahih daripada mereka sebagai informan utama dalam kajian ini. Pada masa yang sama, seramai 14 orang informan lagi lihat senarai temu bual informan dalam rujukan) telah menyumbang maklumat yang diperlukan melalui temu bual berkisar kepada latar belakang informan sehingga mendorong beliau untuk memberikan maklumat berkaitan dengan proses yang terdapat dalam konteks adat dan kepercayaan menurut sudut pandang kepercayaan masyarakat Dusun Kimaragang.

Dapatan maklumat daripada temu bual tersebut dianalisis melalui kaedah tematik. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat meneliti terhadap maklumat yang terikat dengan tema. Antara tema yang dikemukakan oleh pengkaji ialah cara mengurus konflik pertikaian masyarakat menurut falsafah Undang-Undang Adat Masyarakat Dusun Kimaragang, nilai-nilai keseimbangan dan keadilan berdasarkan simbolik ritual *sogit* yang terdapat dalam undang-undang adat masyarakat Dusun Kimaragang dan bentuk simbol dan makna pelaksanaan proses ritual *sogit* kepanasan kampung berdasarkan undang-undang adat masyarakat Dusun Kimaragang.

## Kaedah Analisis Data

Dalam kaedah analisis data, penyelidik mengumpul data sekunder bagi kajian kajian ini selain temubual. Setelah itu penyelidik melakukan kaedah analisis kandungan bagi sumber data sekunder tersebut. Seterusnya, data-data tersebut dibahagi-bahagikan kepada tema-tema tertentu mengikut kesesuaian dengan perbahasan keseimbangan dan keadilan dalam undang-undang adat masyarakat Dusun Kimaragang. Tema-tema tersebut berupa, mengurus konflik pertikaian menurut undang-undang adat masyarakat Dusun Kimaragang, mengurus konflik pertikaian masyarakat menurut falsafah Undang-Undang Adat Masyarakat Dusun Kimaragang, nilai-nilai keseimbangan dan keadilan, dan simbol dan makna ritual denda adat *sogit* kepanasan kampung.

Data primer dalam kajian ini diperolehi melalui data-data dan maklumat mengenai amalan kepercayaan undang-undang adat, yang dikumpul melalui kajian lapangan sebagaimana diperlukan, sama ada melalui temu bual mahupun pemerhatian, maka selanjutnya data dan maklumat tersebut dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kualitatif. Menurut Sabhita Marican (2006:215) kaedah analisis kualitatif digunakan oleh penyelidik adalah dengan menganalisis corak amalan adat isitiadat masyarakat Dusun Kimaragang. Pada kaedah analisis kualitatif penulis akan memberikan kod pada hasil temu bual dengan informan tertentu dan mengalisis satu persatu data pemerhatian yang telah dicatat dan mengambil isi-isi yang penulis anggap penting, kemudian akan menyusun hasil daripada kod tersebut dengan menerangkan dalam bentuk huraiyan yang sederhana untuk dimasukkan dalam hasil kajian ini (Sabhita Marican (2006:217).

Data yang telah dikumpul daripada kajian temu bual dan pemerhatian diberi kod untuk setiap jawapan yang diberikan oleh informan. Setelah itu, jawapan yang telah diberi kod akan diuraikan menjadi ayat yang mudah difahami

untuk dipaparkan dalam hasil atau dapatan kajian (Bahasa Dusun Kimaragang diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia).

## **Hasil Kajian dan Perbincangan**

Terdapat tiga isu utama yang dikenal pasti sebagai dapatan kajian dari data lapangan seperti yang diterangkan oleh informan yang terdiri daripada Ketua Kampung, Ketua Anak Negeri, Boboliyan dan mereka yang mahir dan masih mengamalkan adat istiadat masyarakat Dusun Kimaragang seperti dijelaskan oleh mereka dalam bentuk tematik;

### **a) Elemen spiritual dalam undang-undang adat**

Raliah salah seorang informan menyatakan “*masyarakat Kimaragang mempunyai hubungan yang baik dengan alam semesta seperti tanah, pokok, binatang dan segala jenis burung yang boleh dilihat dan makhluk ghaib yang tidak boleh dilihat*”. Menurutnya lagi kebanyakan kesalahan moral seperti perbuatan sumbang mahram oleh individu atau berkumpulan dalam masyarakat akan diputuskan oleh Ketua Kampung dan Mahkamah Anak Negeri mengikut kepercayaan masyarakat ini kesalahan perlu diselesaikan melalui upacara *sogit* untuk memulihkan keseimbangan hidup manusia dan seluruh kampung.

Berdasarkan Undang-undang adat Kimaragang terdapat dua jenis kategori kesalahan: Pertama melibatkan pelanggaran adat istiadat sebagai satu kepercayaan keagamaan (kepercayaan animisme) (Raliah, 2018) dan kedua pelanggaran undang-undang adat istiadat tersebut yang dikenali sebagai ‘*Tukum*’. “*Pelanggaran adat istiadat* bukan sahaja memberi kesan yang tidak baik kepada sesama manusia, tetapi juga melibatkan alam semesta dan makhluk-makhluk ghaib” kata Gunsalam, seorang lagi informan semasa ditemu bual pada tahun 2018.

Bagi masyarakat Kimaragang kesalahan seperti sumbang maharam merupakan kesalahan paling ditegah sama sekali, iaitu satu kesalahan yang dilakukan oleh seseorang yang mempunyai kaitan hubungan sedarah sedaging seperti bapa dengan anak dan anak dengan adik-beradik. Jukinah, dan Mabin, semasa ditemu bual pada tahun 2018, mengatakan “*sebelum campur tangan ‘orang putih’ bagi kesalahan sumbang maharam kedua-dua pesalah yang terlibat akan dimasukkan di dalam ‘bubu’ besar (alat menangkap ikan tradisional) dan dibuang ke sungai yang dalam. Namun hukuman ini telah diubah hasil persetujuan pihak yang berkepentingan sebagai memberi keadilan kepada mereka yang bersalah*”.

Walaupun tidak lagi menggunakan hukuman tradisi seperti yang telah disebutkan di atas, tetapi masyarakat Kimaragang masih mengamalkan adat istiadat seperti yang disampaikan oleh Boboliyan (orang tengah yang dapat berhubung dengan makhluk-makhluk ghaib dan Kinoringan) kepada Ketua Kampung (Jukinah, 2018). “*Namun pada masa sekarang terdapat perubahan dari segi pelaksanaan hukumannya kerana mengikut kepercayaan agama monoteisme atau agama Kristian dan Islam*” kata Jonan.

**b) Adat bertindak sebagai alat Kawalan sosial masyarakat**

Melalui ikatan integrasi di antara alam manusia dan alam roh maka lahirlah peraturan yang dipercayai oleh masyarakat tradisional dirumus sendiri oleh Kinoringan sebagai memiliki kekuasaan tertinggi yang tinggal di atas langit. Peraturan yang dirumus oleh Kinoringan dikenali sebagai *Tukum* atau adat yang bertujuan mengekang perbuatan tidak bermoral dalam kalangan anggota masyarakat. Rukanang seorang ketua Boboliyan masyarakat Dusun Kimaragang menyatakan “*kada pog i sumansala pingkaso dino tukum*” katanya yang bermaksud jangan menyimpang, jangan main-main membuat salah atau melakukan kesalahan terhadap adat. Selain itu, *tukum* atau adat dianggap sebagai panduan hubungan di antara manusia dengan makhluk-makhluk yang tidak kelihatan dan tinggal bersama manusia di alam semesta. Justeru itu, peraturan ini juga dilihat sebagai panduan manusia bagaimana menghormati alam sekitar dan yang ada di dalamnya (Baptist, 2008:5).

**c) Ritual Sogit bertindak sebagai alat Pemulihan Keseimbangan dan keadilan.**

Keruntuhan moral manusia, mengakibatkan hilangnya rasa hormat terhadap peraturan dan hilangnya rasa kasih sayang, nilai penghormatan, sesama manusia dan alam rohaniah. Akibat pelanggaran ini, mengwujudkan malapateka yang muncul menimpa dan mempengaruhi kehidupan manusia, sama ada melalui alam fizikal dan materialnya, penyakit, kematian, kegagalan hasil tanaman dan segala macam gangguan bencana (Rukanang, 2018; Raliah, 2018). “*Pelanggaran adat yang dilakukan oleh individu atau kumpulan masyarakat tertentu, akan dibawa oleh angin sehingga perbuatan sumbang mereka tersebut turut dirasai oleh semua orang (masyarakat) yang setia mengamalkan adat dan tidak melakukan dosa dan kesalahan tetapi turut menerima masalah yang sama, dan ini tidak adilkan*” kata Rukanang dan Raliah.

Sejajar dengan itu, pemulihan kepada fenomena yang seimbang dan harmoni perlu diambil tindakan segara di mana pesalah perlu dikenal pasti atau jika tidak dapat dikesan pelakunya, masyarakat melakukan tindakan ritual menurut kepercayaan tradisional mereka di mana melaksanakan satu ritual *sogit* kepanasan kampung atau *monogit pomogunan* (menyejuk dunia) sebagai simbolik rayuan kepada roh Kinoringan agar memujuk roh-roh jahat berhenti melakukan kejahatan terhadap manusia (Rukanang, 2018; Raliah, 2018).

Justeru itu, upacara ritual *sogit* korban bintang berdarah yang dilakukan oleh Boboliyan mengandungi maksud yang tersurat dan tersirat di mana melalui bacaan ayat-ayat suci oleh *Boboliyan* Kinoringan melepaskan segala kutukan kepada individu atau kumpulan yang bersalah sehingga mereka dipulihkan semula seperti sediakala (Rukanang, 2018). Selain itu, ritual adat dianggap mempunyai kuasa luar biasa sebagai satu sistem penyembuhan penyakit dalam konteks hubungan sosial berbanding pengambilan sebarang ubat-ubatan untuk mendapatkan kesembuhan. Pemeliharan berhubungan yang baik sepanjang masa perlu dipelihara dan di amalkan oleh masyarakat tradisional sehingga ianya menjadi kebiasaan dan akhirnya menjadi satu perundangan adat untuk menyelesaikan sebarang perselisihan paham disebabkan oleh pelanggaran terhadap adat istiadat.

Masyarakat Kimaragang menganggap adat istiadat sebagai peraturan yang perlu di patuhi oleh semua penduduk kampung (Mabin, 2018). Kebanyakan kes-kes adat ada kaitan dengan pertikaian keluarga seperti kes rogol, mencuri, merosak harta benda, dan menjatuhkan maruah atau mengaibkan seseorang dalam masyarakat Kimaragang akan diselesaikan dengan cara holistik keseimbangan melalui perbincangan dua hala, meditasi, berbalas kasihan dan timbal balik (Jonan, 2018).

Selanjutnya adat istiadat pula dikait dengan piawaian moral, akhlak dan tingkalaku di mana yang baik itu merupakan keadilan, kebenaran, kejujuran dan ketaatan (Gunsalam, 2018). Sementara kepalsuan, ketidakadilan akan merosakkan hubungan yang baik. Menurut Pugh-Kitingan (2014) mengikut adat istiadat, manusia mesti hidup dengan kehidupan moral yang tinggi dan setia dalam hubungan sesama manusia, dan menghormati alamiah, dan dunia rohani. Pugh-Kitingan selanjutnya menjelaskan, kesalahan serius yang dilakukan akan menyebabkan dua *rogon* (roh-roh jahat) memisahkan dunia atas dan dunia bawah untuk memanaskan bumi tempat tinggal manusia, menyebabkan malapetaka terjadi di bumi. Malah pelanggaran adat sama ada

kecil atau besar akan membawa kesan negatif kepada manusia, alamiah dan dunia rohani.

Korban binatang merupakan satu tindakan pembersihan dosa kepada individu yang melakukan dosa, masyarakat dan kampung (Gibon, 1986). Pemberian binatang sebagai ‘*sogit*’ bukan sebagai pemberian ‘denda’ tetapi satu keharusan sebagai kepercayaan keagamaan yang perlu disediakan oleh pesalah sebagai tanda memulihkan keseimbangan dan keharmonian semua penduduk kampung di tempat kejadian dan kampung-kampung yang berdekatan dengan tempat kejadian. Mengikut Miyamoto (2008:37) selepas mengorbankan binatang dan pemberian barang-barang lain sebagai hadiah sumber kesuburan atau ‘kuasa hidup’ akan mengeluarkan kemakmuran, seperti hasil tuaian yang banyak, kesihatan, memberikan keturunan, dan lain-lain, datang dari ‘dunia lain’ (langit di mana roh-roh tinggal dan hutan di mana roh-roh tinggal) dan kemakmuran ini akan diberikan kepada ‘dunia ini’ (tempat tinggal manusia) selepas mengorbankan binatang dan pemberian yang lain kepada ‘dunia lain’. Dalam pandang dunia masyarakat Kimaragang amalan ‘*misuli*’ (timbal-balik) akan terjadi sekiranya pertukaran antara dunia ini dan ‘dunia lain’, dengan syarat ada ‘bayaran pendahuluan’ contohnya, pengorbanan dan pemberian dilaksanakan secara pendahuluan (Appell, 1965, Jukinah, 2018).

Miyamoto, (2002:36-45) menyatakan dalam hal mengurus konflik kesalahan adat, mereka yang bersalah akan dikenakan denda *sogit* sebagai pampasan dan mereka yang diaibkan (*disgrace*) melalui denda pemberian dalam bentuk material, seperti barang tembaga, wang, parang, kain, garam dan lain-lain sebagai cara jalan perdamaian (*babas*). Selain itu, pesalah membayar kerugian kepada mangsa (Gunsalam, 2018).

### **Prosedur dan Amalan Mahkamah Anak Negeri Kota Marudu**

Prosedur dan amalan Mahkamah Anak Negeri adalah untuk mengawal ahli masyarakat anak negeri agar mengamalkan kehidupan yang seimbang sesuai dengan adat istiadat (Decena, 1993). Seterusnya, menurut (Jonan, 2018) misi program pengantaraan (*mediation*) atau perdamaian merupakan amalan yang selalu dilaksanakan bilamana berlakunya perselisihan, terutama sekali dalam kes-kes penceraian, pembahagian harta, pengambilan anak angkat, berian (perbelanjaan) perkahwinan dan sebagainya yang ada kaitan dengan adat istiadat. Dalam kes-kes rogol selalunya akan dilaporkan kepada polis, walau bagaimanapun kes rogol selalunya dirujuk semula kepada Ketua

Kampung untuk menyelesaikannya mengikut hukum adat istiadat masyarakat tertentu.

Dalam perundangan Mahkamah Adat pengerusi prosiding tidak menggunakan terminologi undang-undang yang dituturkan. Pihak yang bertengkar bercakap dengan naratif kata-kata mereka sendiri (Jonan, 2018 dan Gunsalam, 2018).

Mengikut Jonan lagi, proses meditasi merupakan satu proses pendisiplin holistik untuk mencapai relaksasi yang tinggi agar mangsa terutamanya tidak terperangkap dengan emosi dan kecederaan yang lebih teruk. Jika pihak-pihak berkepentingan membawa kes tersebut untuk didengar oleh Mahkamah kesannya segala percakapan mengenai kes mereka akan disimpan dalam rekod mahkamah dan ini akan memberikan kesan yang tidak baik kepada kedua-dua pihak dan keturunan generasi mereka seterusnya.

Jadual 1, adalah merupakan rekod jumlah kes yang diterima oleh Mahkamah Anak Negeri Kota Marudu di antara tahun 2014 hingga 2018. Dalam jadual ini, pendaftaran perkahwinan merupakan jumlah yang tertinggi yang diuruskan oleh mahkamah dengan mengambil tempat 43.3%. Manakala pendaftaran kes penceraian mengambil tempat yang kedua 40.2%. persoalannya mengapa berlakunya banyak penceraian? Jawapan yang berikan oleh KAN Jonan, ‘faktornya masalah orang ketiga, faktor ekonomi dan masalah kurang persefahaman’. Menurut KAN Jonan lagi, faktor kes penceraian diterima bukan semua dari kalangan mereka yang telah mendaftar perkahwinan tetapi ada beberapa kes penceraian yang telah diterima dari beberapa kampung di Daerah Kota Marudu yang tidak didaftarkan perkahwinan mereka di Mahkamah. Walau bagaimanapun ada beberapa kes memohon penceraian dapat diselamatkan selepas diberi kaunseling dan meditasi. Kes-kes berkaitan dengan pencerobohan tanah sebanyak 11 kes (1.39%, Zina 16 kes diterima (2.02%) dan tuntutan adat kerana merosakkan kuburan 11 kes (2.02). Kes kemaluan (menjatuhkan maruah) sebanyak 11 kes diterima (1.39%), manakala kes ganti rugi yang diterima sebanyak 9 kes (1.14%). Kes-kes yang lain kurang daripada 1%. Sehubungan dengan itu, jadual ini menunjukkan bahawa kes-kes yang didengar dan diselesaikan kebanyakannya berkisar dalam masalah keluarga masyarakat Kimaragang. Justeru itu, peranan ketua kampung dalam menyelesaikan pertikaian berdasarkan undang-undang adat dalam keluarga masyarakat Kimaragang melalui proses perdamaian melalui kaedah meditasi dan kaunseling sangat

signifikan untuk memulihkan hubungan yang seimbang dan pemulihan keadilan dalam masyarakat.

**Jadual 1: Pendaftaran Kes-kes di Mahkamah Anak Negeri Kota Marudu (2014-2018)**

Jenis Kes	Jumlah	Peratus
Pendaftaran Perkahwinan	343	43.3%
Pendaftaran Penceraian	318	40.2%
Poligami	1	0.13%
Nafkah Isteri	5	0.63%
Tuntutan tanah	8	1.0%
Pencerobohan tanah	11	1.39%
Tanaman ditebang,	2	0.25%
Putus tunang (Solod)	4	0.51%
Pembahagian harta (KWSP, jual tanah bapa)	4	0.51%
Rayuan (Tidak puas hati keputusan Ketua Kampung)	4	0.51%
Ganti Rugi	9	1.14%
Menyebabkan kecederaan	2	0.25%
Tuntutan Adat (masa berakabong)	1	0.13%
Maruah (Kemamaluan)	11	1.39%
Pencerobahan tagal	1	0.13%
Anak Dara di lari lelaki	2	0.25%
Terkejut	1	0.13%
Ingkar bayar denda Mahkamah	3	0.38%
Tuntut Waris	2	0.25%
Menumbuk/meludah tanpa sebab	1	0.13%
Fitnah	5	0.63%
Kes Idah	1	0.13%
Isteri meninggalkan suami	2	0.25%
Ingkar bayar hutang	2	0.25%
Pertindihan permohonan tanah	5	0.63%
Memikat anak dara	1	0.13%
Zina	16	2.02%
Tuntutan adat (merosak kuburan)	16	2.02%
Penjagaan anak	6	0.76%
Merosak rumah tangga	1	0.13%
Suami pukul isteri	2	0.25%
Tanaman terbakar	1	0.13%
Tidak bayar berian	1	0.13%
<b>JUMLAH KES</b>	<b>792</b>	

**Sumber: Rekod penerimaan kes di Mahkamah Anak Negeri, Kota Marudu 2018**

## Contoh Kes Penyelesaian Melalui Undang-undang Adat

Semasa kajian ini dibuat, pengkaji telah membaca tiga artikel yang telah disiarkan dalam surat khabar. Pertama disiarkan oleh Harian Metro pada 17 Mac 2019 bertajuk ‘Sogit pibabasan’ selesai perselisihan faham ditulis oleh Fardy Bungga. Menurut laporan tersebut, satu laporan polis telah dibuat terhadap Richerd Panis, 40 tahun bekerja sebagai Pengawal keselamatan kerana mengeluarkan kenyataan kesat terhadap Timbalan Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Wilfred Madius Tangau melalui aplikasi WhatsApp pada 22 November 2018. Mahkamah Anak Negeri menjatuhkan penghukuman terhadap Richerd dimana di kenakan sogit seekor kambing dan RM800.00. Walau bagaimanapun setelah kedua-dua pihak bersetuju iaitu Richerd dan Madius hanya menyembelih seekor ayam sahaja sebagai simbolik perdamaian mengikut adat istiadat etnik Dusun untuk menyelesaikan perselisihan faham di antara mereka.

Artikel kedua disiarkan oleh Free Malaysia Today (FMT) bertajuk ‘kesilapan buku teks sejarah, DBP bayar denda sembelih kerbau’ pada 6 November, 2017. Menurut laporan tersebut Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) diminta memberikan seekor kerbau sebagai tanda permohonan maaf kepada masyarakat Murut di Sabah, susulan kesalahan fakta mengenai adat kematian Murut seperti diterbitkan dalam buku teks Sejarah Tingkatan 1.

Artikel ketiga. Daily Express melaporkan satu tajuk “*Forgiveness key to restorative justice success*” bertarikh 11 Mac 2019 oleh David Thien. Menurut kenyataan laporan *Council of Restorative Justice Sabah* (CRJS) yang di ketuai oleh Datuk K.H. Tan dalam seminar bertajuk ‘*Restorative Justice-an alternative to imprisonment*’. Dalam laporan itu, Tan menyatakan walaupun pemulihan keadilan sangat rumit dilaksanakan, tetapi sangat penting sebagai proses penyembuhan yang dimulakan oleh mangsa jenayah menyatakan kesanggupan untuk mengampuni merupakan kunci kepada kejayaan pemulihan keadilan.

## Kesimpulan

Mangsa adalah individu yang perlu diberi perhatian dan sangat penting untuk menentukan bagaimana mendapat keadilan dan menentukan bagaimana memperbaiki kecederaan yang disebabkan oleh seseorang. Dalam hal ini undang-undang adat dilihat sebagai satu saluran terbaik penyelesaian untuk

memulihkan hubungan yang seimbang semula di antara sesama individu dan masyarakat secara semulajadi. Walaupun pahit ditelah, mangsa harus memberi peluang kedua kepada pesalah dengan cara merendahkan diri dan mengampuninya. Walau bagaimanpun pesalah harus bertanggungjawab sesuai dengan tahap kesalahannya menurut undang-undang adat dengan melaksanakan tanggungjawabnya untuk menyembuh ‘kecederaan’ kepada mangsa yang tekesan seperti memberikan denda *sogit* dalam bentuk binatang berdarah dan pemberian barang logam seperti gong dan betukul sebagai *pulanut*. Pandang Dunia Masyarakat Kimaragang terhadap adat istiadat telah mempengaruhi kehidupan sosial masyarakat Kimaragang di Sabah. Peranan penyelesaian pertelingkahan menurut keseimbangan dan keadilan kepada pesalah di peringkat Ketua Kampung dan Peringkat Mahkamah Anak Negeri berdasarkan kepada kepentingan hubungan harmoni diantara manusia dan makhluk supernatural telah membawa adat istiadat sangat unik berbanding dengan prosiding Mahkamah Sivil di Malaysia. Pendokumentasian berkenaan kajian pendekatan keseimbangan dan pemulihan keadilan undang-undang Adat Kimaragang masih banyak kekurangan dan memerlukan kajian lanjut khusunya dengan merujuk catatan kajian empirik yang telah dibuat terhadap pemulihan keseimbangan dan keadilan (*Restorative Criminal Justice*). Oleh yang demikian diharap sumbangan artikel ini sedikit sebanyak mampu memperkayakan bahan bacaan dan rujukan mengenai masyarakat Dusun Kimaragang di Sabah, Malaysia.

## Rujukan

- Aertsen, I. (2006). *The intermediate position of restorative justice: The case of Belgium*. In: Aertsen, I., Daems, T. & Robert, L. (eds.), *Institutionalizing restorative justice*. Cullompton: Willan Publishing.
- Appell, George N. (1965). *The Nature of Social Groupings among the Rungus Dusun of Sabah, Malaysia*, Unpublished P.H.D. Thesis Australian National University.
- Appell, G.N. (1972). *Rungus Dusun*. Reprinted from Ethnic Groups of Insular Southeast Asia. Vol.1: Indonesia, Andaman Island, and Madagasgar, Frank N. Lebar (editor and Compiler). New Heaven: Human Relations AreaFiles Press
- Baal, J. Van. (1987). *Sejarah dan pertumbuhan teori antropologi budaya (hingga dekad 1970) jilid 1*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.

- Baptist, Judeth John. (2008). Causes and Consequences: Dealing with the Unseen for Secular Restitution among the Dusun Lotud of Tuaran District. *Sabah Museum Monograph Vol.11*. Kota Kinabalu: Department of Sabah Museum.
- Chiba, Masaji. (1989). *Legal Pluralism: Toward a General Theory Through Japanes Legal Culture*. Tokyo: Tokai University Press.
- Decena, Alexander. (1993). *The Native Courts Ordinance. In Dato' Syed Ahmad Idid bin Syed Abdullah Idid (compiled), Native Court and Customeary Law of Sabah* Kota Kinabalu: Negeri Sabah, Malaysia.
- Evans, I.H.N. (1953). *Religion of the Tempasuk Dusuns*. London: Cambridge University Press.
- Gennep, A. Van. (1960). *Rites of Passage*. (J. Holm & J. BOWker, eds.) London: Pinter Publishers Ltd.
- Gibon, Anthony. (1986). *Tambunan: The people, Their Culture and Customary Law*. Kota Kinabalu: Massa Press (S) Sdn. Bhd.
- Ibrahim Said. (1983). *Adat dicipta untuk keharmonian: Rujukan Undang-undang Adat Suku Kaum Dusun*. Dewan Budaya, Jilid 5, Bil.6, 1983:53.
- Kazumichi Tsutsumi. (2008). The Native Court System in Sabah: Distance from the National Law. *Sabah Museum Monograph Vol. 11*.
- Maloney, D., Romig, D., and Armstrong, T. (1988). Juvenile probation: The balanced approach. *Juvenile Family Court Journal* 39(3):1-57. (Also reprinted in 1989 as part of Juvenile Justice Textbook Series. National Council of Juvenile and Family Court Judges, P.O. Box 8970, Reno, NV 89507).
- Miyamoto, M. (2002). Legal culture in Sabah: A case study of the Rungus in Pitas and the Lotud in Tuaran. *In Sabah Museum monograph vol. 7: Cultural adaptation in Borneo*. Sabah, Malaysia: Department of Sabah Museum, 31–58.

Miyamoto, Masaru. 2008. Indigenous Law and Native Court in Sabah: A Case Study of the Penampang Kadazan. *Sabah Museum Monograph Vol. 11.*

Phelan, Peter R. (1987). Native Law in Sabah. The WRIT Vol. vi. *Sabah Law Journal.*

Pugh-Kitingan, Jacqueline. (2014). Balancing the Human and Spiritual Worlds: Ritual, Music, And Dance Among Dusunic Societies In Sabah. *Yearbook for Traditional Music,* 46, 170-190. doi:10.5921/yeartradmusi.46.2014.0170.

Phelan, Peter R. (1993). *Native Law in Sabah.* In Syed Ahmad Idid bin Syed Abdullah Idid (ed), *Native Court and Customary Law of Sabah (With Cases and Decision,* Kota Kinabalu: Sabah Government Printer.

Phelan, Peter R. (2003). *The Traditional Legal System of Sabah.* Kota Kinabalu: Yayasan Sabah.

Ranjit Singh, D.S. (2003). *The making of Sabah 1865-1941,* 2nd edition, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Sharifah Zaleha Bt. Syed Hassan. (1993). *Native Court and Construction of Modern Legal Thinking in Sabah: A Case Study.* In: *Native Court and Customary Law in Sabah.* Ed. Dato' Syed Ahmad Idid bin Abdullah Idid. Government Printing Press, Sabah.

Turner, Victor. (1974). *Dramas, Fields, and Metaphors.* Ithaca: Cornell University Press

Zainal Kling. (2004). “*Adat Melayu.” di dalam Abdul Latiff Abu Bakar dan Hanipah Hussin (ed.), 2004. Kepimpinan Adat Perkahwinan Melayu Melaka.* Melaka: Institut Seni Malaysia Melaka

## Keratan Akhbar

Daily Express. (2019). Forgiveness key to restorative justice success. Dipetik dari: <http://www.dailyexpress.com.my/news/132235/forgiveness-key-to-restorative-justice-success/>

Harian Metro Online. ( 2019). ‘Sogit pibabasan’ selesai perselisihan faham. Dipetik dari :  
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/03/434738/sogitpibabasan-selesai-perselisihan-faham>

Free Malaysia Kini Online. (2017). Kes buku teks Sejarah, DPB bayar denda sembelih kerbau. Dipetik dari:  
<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/11/06/kesilapan-buku-teks-sejarah-dpb-bayar-denda-sembelih-kerbau/>

### **Temu bual (Jun-Okttober 2018)**

1. Nama : En. Abdul Halim @ Mansanah Bin Maratun  
 Umur : 64 Tahun  
 Alamat : Kg. Lampada, Kota Marudu  
 Tarikh Temu Bual : 22 Mei 2018  
 Keterangan : Merupakan seorang pakar pengamal ubat-ubatan tradisional, di Kota Marudu. Beliau sentiasa menjadi rujukan mengenai berbagai penyakit fizikal dan rohaniah manusia.
2. Nama : KK Bonat Botong  
 Umur : 62 Tahun  
 Alamat : KG. Nolotan, Tandek, Kota Marudu  
 Tarikh Temu bual : 1 Oktober 2018  
 Keterangan : Seorang Ketua Kampung dan pengamal adat istiadat Masyarakat Dusun Kimaragang.
3. Nama : En. Damilan @ Nadir bin Lejaun  
 Umur : 60 Tahun  
 Alamat : KG. Morion, Tandek, Kota Marudu  
 Tarikh Temu bual : 22 Julai 2018  
 Keterangan : Merupakan pengamal adat dan latar belakang ibubapanya merupakan pengamal dan menjadi rujukan untuk mengubati pelbagai jenis penyakit mengikut amalan kepercayaan tradisional.

4. Nama : En. Darius Satikar  
 Umur : 74 Tahun  
 Alamat : KG. Mosolog, Tandek, Kota Marudu  
 Tarikh Temu bual : 4 September 2019  
 Keterangan : Pembantu Boboliyan, Pengamal amalan animismie, Seorangan yang pakar dalam riniat adat istiadat Masyarakat Dusun Kimaragang.
5. Nama : KAN Gunsalam Unggus  
 Umur : 79 Tahun  
 Alamat : KG. Koromoko, Tandek, Kota Marudu  
 Tarikh Temu bual : 13 Jun 2018  
 Keterangan : Seorang mantan Ketua Kampung dan Ketua Anak Negeri Daerah Kota Marudu.  
 Penyumbang dalam penulisan undang-undang adat masyarakat Dusun Kimaragang.  
 Pakar adat istiadat masyarakat Dusun Kimaragang di Daerah Kota Marudu.
6. Nama : En. Jasnian Jamudah  
 Umur : 63 Tahun  
 Alamat : KG. Morion, Tandek, Kota Marudu  
 Tarikh Temu bual : 17 Jun 2018  
 Keterangan : Pengamal adat istiadat Masyarakat Dusun Kimaragang.
7. Nama : En. Jiral Darimbang  
 Umur : 52 Tahun  
 Alamat : KG. Morion, Tandek, Kota Marudu  
 Tarikh Temu bual : 25 Jun 2018  
 Keterangan : Seorang kakitangan kerajaan. Beliau merupakan pengamal ubat-ubatan tradisional.
8. Nama : KAN Jonan Gaul  
 Umur : 60 Tahun  
 Alamat : KG. Nolotan, Tandek, Kota Marudu  
 Tarikh Temu bual : 29 September 2018  
 Keterangan : Seorang Ketua Anak Negeri Daerah Kota Marudu. Pengamal adat Daerah Kota Marudu dan sering dijadikan rujukan oleh ketua-ketua kampung.

9. Nama : Puan Jukinah Adun  
 Umur : 68 Tahun  
 Alamat : KG. Mosolog, Tandek, Kota Marudu  
 Tarikh Temu bual : 25 Ogos 2018  
 Keterangan : Seorang mantan kakitangan kerajaan. Pakar Bidan Kampung. Pengamal adat istiadat masyarakat Dusun Kimaragang.
- 10.Nama : En. Majinau Injawan  
 Umur : 74 Tahun  
 Alamat : KG. Longob, Tandek, Kota Marudu  
 Tarikh Temu bual : 22 Ogos 2018  
 Keterangan : Seorang mantan kakitangan kerajaan. Aktivis kebuadayaan masyarakat Dusun Kimaragang
- 11.Nama : En. Mabin Kodok  
 Umur : 84 Tahun  
 Alamat : KG. Longob, Tandek, Kota Marudu  
 Tarikh Temu bual : 15 September 2018  
 Keterangan : Seorang timbalan Boboliyan. Pengamal perubatan tradisional. Pakar adat istiadat masyarakat Dusun Kimaragang.
- 12.Nama : Puan Marwati Mosidin  
 Umur : 60 Tahun  
 Alamat : KG. Morion, Tandek, Kota Marudu  
 Tarikh Temu bual : 29 September 2018  
 Keterangan : Seorang kakitangan kerajaan Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat Daerah Kota Marudu. Telah memberi maklumat mengenai jumlah perkampungan dan mukim serta penempatan taburan masyarakat Dusun Kimaragang.

- 13.Nama : Puan Raliah Pangadap  
Umur : 59 Tahun  
Alamat : KG. Salimandut, Tandek, Kota Marudu  
Tarikh Temu bual : 30 Jun 2018 dan 13 Ogos 2020  
Keterangan : Seorang pakar Boboliyan dan masih aktif mengamalkan kepercayaan tradisional masyarakat Dusun Kimaragang.
- 14.Nama : Puan Rukanang Induk  
Umur : 62 Tahun  
Alamat : KG. Nolotan, Tandek, Kota Marudu  
Tarikh Temu bual : 30 Jun 2018, 13 Ogos 2020, 7 September 2020  
Keterangan : Merupakan ketua Boboliyan dan pakar dalam rinait dan pakar dalam keagamaan tradisional. Sering dipanggil untuk mendapat kaunseling dan pengubatan cara tradisional.